



Menyelami Hidup Anda

kosmo

11/08/2010
21, 22 dan 23

M/S ~~22, 23 dan 24~~

A close-up photograph showing a person's hands holding a transparent, rectangular object, possibly a computer component or a piece of glass. The object is held in a way that it appears to be being examined or worked on. The background is dark, with a bright yellow light source visible on the right side. The overall scene suggests a technical or scientific context.

LEGASI PIUTER

Kisah kejayaan Royal Selangor



PENGASAS Royal
Selangor, Yong
Koon Seong
(1871-1952).

YOON LI generasi ketiga yang
mengalaskan tanggungjawab
meneruskan legasi Royal Selangor.

Apakah rahsia kejayaan Royal Selangor berjaya mengekalkan perniagaan piuternya selama 125 tahun?

Oleh NURUL IZZA ROSLY
izza.rosly@kdsmo.com.my

HARI ini Royal Selangor merupakan nama yang gah dalam industri piuter di negara ini. Sebelum menempa kejayaan tersebut, banyak pahit maung yang terpaksa ditempuhi oleh pengasasnya.

Di sebalik premis pameran moden di Suria KLCC, Clarke Quay di Singapura, Harrods of London, Yintai Centre di Beijing dan daerah Ginza di Tokyo, hayat Royal Selangor sebenarnya bermula di sebuah kedai kecil di No. 23, Cross Street kini dikenali dengan nama Jalan Silang, Kuala Lumpur pada tahun 1885.

Sejarah Royal Selangor bermula dengan kisah seorang pemuda berketurunan Hakka bernama Yong Koon Seong. Dia telah meninggalkan kampung halamannya di China bersama perkakasan pertukangan lalu belayar ke Malaya pada tahun 1885.

Zaman sukar di China menjadikan dia seorang kanak-kanak yang matang. Pada usia 11 tahun, Koon Seong menjadi perintis tukang piuter di bandar pelabuhan di Shantou iaitu sebuah pusat utama piuter di China. Di situ, dia mendalami seni pertukangan piuter selama tiga tahun.

Pelayaran meninggalkan kampung halaman itu didorong oleh berita penemuan bijih timah di Malaya. Ribuan kaum Cina menuju ke sebuah pekan lombong baru. Di situ jugalah Koon Seong menemui adik-beradiknya yang merupakan tukang timah.

Koon Seong mula bekerja bersama abang sulungnya Chin Seong dan adiknya, Wai Seong yang terlebih dahulu menempa nama sebagai tukang timah di bandar-bandar perlombongan bijih timah.

Selepas beberapa tahun, Koon Seong menentukan sendiri hala tujuinya dengan memulakan bisnes di Cross Street. Selain menjalankan perniagaan membuat perkakasan ru-

buat peralatan sembahyang seperti pembakar setinggi, pemegang colok dan pemegang lilin bagi menghiasi tempat pendupaan para pelombong kaya dan tokong-tokong Cina.

Namun, kejayaan yang menjadikannya tukang piuter pertama di Kuala Lumpur bertembung dengan ujian. Era 1930-an merupakan zaman kemelesetan ekonomi ekoran Perang Dunia Kedua.

Dengan wang simpanan yang ada, keluarga Koon Seong telah berpindah ke rumah kedai mereka sendiri di No. 219 Jalan Pudu. Di situlah bertapaknya Malayan Pewter Works.

Koon Seong dan anak-anaknya mula mencipta produk ala-Eropah untuk orang British dan ekspatriat apabila permintaan untuk piuter bagi kegunaan istiadat semakin berkurangan.

Ia merupakan titik perubahan penting bagi perniagaan tersebut malah menjadi asas untuk pasaran eksport pada masa akan datang.

Lewat tahun 1930-an hanya terdapat tiga buah syarikat piuter iaitu Tiger Pewter, Selangor Pewter dan Lion Pewter yang diasaskan anak-anak lelaki Koon Seong, Peng Pow, Peng Kai, Peng Seong dan Peng Sin. Namun, Selangor Pewter yang dikendalikan Peng Kai terus bertahan.

Selepas menempuhi zaman perang pada tahun 1945, negara kembali aman namun perniagaan piuter tidak mendapat sambutan.

Peng Kai dan isterinya Soh Eng menyewa separuh lot kedai di kawasan beli-belah paling sibuk di Kuala Lumpur, Jalan Batu (kini Jalan Tuanku Abdul Rahman) dengan menjual pasu, kendi, bekas abu rokok serta kotak rokok daripada piuter kilangnya di Jalan Pudu dan mula berkembang sejajar dengan pembangunan negara.

Lewat tahun 1960-an, Selangor Pewter mula mengeksport produknya ke Singapura, Hong Kong, Jerman, Denmark, Jepun, Australia dan United Kingdom. Dalam pada itu, syarikat tersebut mula mempelbagaikan produk per-



KOON SEONG (bulatan) di hadapan kedainya di Cross Street atau kini dikenali dengan nama Jalan Silang, Kuala Lumpur.



LAI WEH memateri teko kopi pada tahun 1970.



YOON LI (kiri) mewarisi sifat mesra datuknya, Peng Kai yang rapat dengan setiap pekerja.

kul barang kemas berharga dan perak-
tulan di bawah nama Selberan dan
Comyns.

Populariti produk Selangor Pewter
yang berjaya mengangkat nama negeri
Selangor menyebabkan syarikat terse-
but menerima anugerah diraja da-
ripada Sultan Selangor pada tahun
1979. Selangor Pewter kemudian me-
nukarkan namanya kepada Royal Sel-
angor pada tahun 1992.

Tanggungjawab besar

Royal Selangor yang diterajui oleh
generasi ketiga dan keempat keluarga
Koon Seng berjaya mengangkatnya
menjadi Royal Selangor dikenali di
peringkat global.

Kini, salah seorang cicit Yong Koon,
Yong Yoon Li, 40, menggalas tang-
gungjawab sebagai Pengurus Besar
Royal Selangor International Sdn. Bhd.
bagi memastikan Royal Selangor tam-
pil dengan produk-produk baru sejajar
dengan kehendak pengguna dan pa-
saran.

“Selaku penerus legasi perniagaan
turun-temurun ini, ia merupakan satu
tanggungjawab yang amat besar bu-
kan kerana ia sebuah syarikat yang
besar tetapi satu jenama yang telah
dikenali ramai selama 125 tahun.

“Generasi dahulu bertahan bertaha-
hun-tahun lamanya, berjaya mengha-
rungi apa jua masalah, kemelesetan
ekonomi, perang, masalah ekonomi
dan sebagainya, kini kami perlu me-
mastikan syarikat ini terus bertahan

sehingga 125 tahun lagi atau lebih,”
katanya bangga kerana tidak banyak
syarikat atau jenama di dunia yang
dapat bertahan seperti mereka.

Walaupun baru lima tahun mengu-
ruskan perniagaan keluarga, Yoon Li
dilahirkan dan membesar dalam dunia
piuter. Zaman kecilnya banyak diha-
biskan bersama datuknya, Yong Peng
Kai di kilang.

“Kami terdedah pada jenama, per-
niagaan dan material sejak kami ber-
tatih lagi. Cuti sekolah dihabiskan di
kilang dengan melakukan eksperimen-
tasi seperti memotong piuter, mematri
dan sebagainya.

“Jika dilihat ia memang mudah, te-
tapi apabila saya cuba membuat-
nya, semuanya lebur dan tidak
menjadi kerana ia memerlukan
kemahiran, ketekunan dan ke-
sabaran yang tinggi,” kongsi ba-
pa kepada dua
orang anak itu.

Sejak melibat-
kan diri secara serius
pada tahun 2005, Yoon

**PIUTER tradisional
yang digunakan untuk
menyimpan air.**

**BAWAH: Bekas teh
dan alat pertukangan
yang digunakan
untuk membuat
piuter.**

Li mula belajar memahami mengenai
dan mendalami industri perkakasan
barang hiasan, dekorasi rumah dan
cenderamata.

Golongan muda

“Saya tidak lihat yang saya akan
memperluaskan perniagaan ini tetapi
tujuan saya adalah untuk menarik pe-
langgan yang bukan peminat piuter
untuk memiliki produk kami kerana
sebelum ini ia hanya digemari oleh
kelompok peminatnya tersendiri.

“Masalah kami dari dulu ialah untuk
menarik minat golongan muda men-
cintai piuter kerana piuter itu
membawa identiti produk
yang tradisional dan kon-
servatif,” katanya yang
kini mempunyai 800
orang pekerja.

Sehubungan itu, Ro-
yal Selangor giat mem-
beri nafas baru ke-
pada barisan produk-
nya dengan me-
numpukan kepada
kumpulan sasaran
dengan rekaan mo-
den, kasual, dan bo-
leh digunakan de-
ngan menerapkan
hasil tukang-
an yang kreatif bagi
menarik minat go-
longan muda.

“Banyak peran-
cangan bagi mene-
ruskan kesinambu-
ngan legasi ini.
Buat masa ini kami
akan terus menam-
bah jumlah kedai baik di dalam
negara mahupun di luar negara dan
tumpuan kepada penjenamaan pro-
duk, gaya hidup dan tidak hanya piuter
semata-mata.

“Buat masa ini, kami mempunyai 24
buah kedai di seluruh negara dan 27
buah di China,” katanya yang mewakili
11 sepupunya yang lain dalam generasi
keempat.

Ujarnya, walaupun Royal Selangor
merupakan perniagaan keluarga, nam-
un tiada definisi cuti dalam kamus
hidup mereka.

“Makan bersama keluarga juga be-
k...a. Apabila berkumpul kami akan

mengadakan sesi lamas otak, ber-
tukar-tukar fikiran bagaimana untuk
mengembangkan lagi perniagaan ini.

“Tiada seorang pun di dalam ke-
luarga kami dipaksa untuk melibatkan
diri dalam perniagaan ini. Kami ben-
ar-benar berminat dalam bidang ini,”
ujarnya penuh teruja.

Sepanjang riwayat 125 tahun, se-
mangat keusahawanan dan bakat
menghasilkan barangan berinovasi te-
lah membawa Royal Selangor melalu-
liku-liku dan perang dunia dan kemelut
ekonomi, namun sehingga kini ia me-
jadi salah satu syarikat piuter terulung
di dunia yang menjadi kebangsaan
Yoon Koon.

Dalam pada itu, pekerja paling lama
berkhidmat, Lee Hoe, 63, memberitahu
dia seronok bekerja di Royal Selangor
sepanjang 49 tahun mencurahkan bakti
kepada syarikat.

“Pak cik Peng Kai (datuk Yoon Li)
melayan kami seperti ahli keluarga.

“Saya berharap generasi yang mene-
rajui Royal Selangor dapat mene-
ruskan perniagaan warisan ini untuk
ratusan tahun lagi kerana bukan mu-
dah untuk membinanya,” katanya yang
kini bekerja sambil di Royal Se-
langor selepas pencen sejak tujuh ta-
hun lalu.

Chin Yoke Lan, 58, yang mula ber-
khidmat pada usia 15 tahun turut ber-
setuju dengan pendapat dengan ra-
kannya itu.

“Ini adalah pekerjaan pertama saya.
Selama 43 tahun berkhidmat di sini
saya dapat membantu suami mem-
barkan anak-anak.

“Pengalaman manis yang sentiasa
kekal dalam ingatan ialah saya ialah
apabila berpeluang ke luar negara un-
tuk melakukan demonstrasi kerja ta-
ngan piuter ketika umur saya 20 tahun
kerana ia merupakan kali pertama
saya ke luar negara,” katanya.

Suasana kekeluargaan yang diterap-
kan majikan di tempat kerja dapat
mengubat rasa bosan, penat dan putus
asa ketika bekerja.

“Kerja di kilang ini memerlukan per-
hatian, ketekunan dan fokus 100 pe-
ratus jika tidak produk yang dihasilkan
tidak bagus,” katanya yang membuat
35,000 ketukan pada permukaan 25
buah kole pewter setiap hari tanpa
jemu.

